

HUBUNGAN KEKELUARGAAN

Air yang dicincang tidak akan putus

Seseorang yang bersaudara itu tidak akan bergaduh berterusan walaupun berlaku sesuatu perselisihan.

Anak sebatang kara

Seseorang anak yang tidak mempunyai keluarga atau saudara mara.

Anak di pangkuan dibiarkan, kera di hutan disusui

Seseorang yang menguruskan atau melakukan sesuatu kerja untuk orang lain sedangkan kerjanya atau urusannya sendiri tidak disempurnakan atau diabaikan.

Kecil-kecil menjadi anak, sudah besar menjadi onak

Semasa kecil anak itu menyenangkan hati kedua-dua orang tuanya tetapi apabila sudah dewasa, ia menyusahkan.

Kasihkan anak ditangan-tangankan, kasihkan isteri ditinggal-tinggalkan

Seseorang itu dinasihatkan supaya tidak memanjakan anak atau isterinya agar tidak menyesal kemudian hari.

Bapak borek anak rintik

Sifat seseorang anak yang tidak jauh bezanya dengan sifat orang tuanya.

Dianaktirikan

Seseorang yang selalu disisihkan.

Sebatang kara

Seseorang yang hidup seorang diri tanpa ibu dan ayah dan juga tidak mempunyai saudara-mara.

Bagai inai dengan kuku

Kasih sayang yang sukar untuk dipisahkan.

Ke mana tumpah kuah kalau tidak ke nasi

Seseorang anak itu sedikit sebanyak akan mengikut bakat ayah atau ibunya.

HUBUNGAN KEMASYARAKATAN

Bagai aur dengan tebing

Dua orang yang bersahabat baik atau sepasang suami isteri yang kasih-mengasahi dan hidup rukun damai atau sikap tolong-menolong yang tidak dapat dipisahkan lagi.

Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing

Keluarga atau sahabat yang sama sepakat dalam mengerjakan sesuatu pekerjaan, sama ada yang ringan ataupun yang berat.

Sama ertinya:

- **Bukit sama didaki, lurah sama dituruni.**
- **Mendapat sama berlabu, kehilangan sama merugi**
- **Seliang bagai tebu, serumpun bagai serai**
- **Terapung sama hanyut, terendam sama basah**

Rambut sama hitam tetapi hati masing-masing lain

Setiap manusia itu mempunyai pendapat yang berlainan antara satu dengan yang lain walaupun pada lahirnya ia kelihatan sama.

Seperti isi dengan kuku

Suatu persahabatan yang begitu erat sekali.

Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing

Wujud permuafakatan dalam mengerjakan sesuatu, sama-sama menanggung susah dan senang.

Bersatu teguh. bercerai roboh

Kalau bersatu menjadi kuat tetapi sekiranya berpecah akan menjadi lemah.

Bertepuk sebelah tangan tidak akan berbunyi

Perselisihan atau keerratan persahabatan itu datangnya daripada kedua-dua belah pihak.

SIKAP NEGATIF INDIVIDU / MASYARAKAT

Mengaburi mata orang

Seseorang yang menipu atau membodohkan orang.

Ada udang di sebalik batu

Seseorang yang mempunyai maksud tertentu di sebalik apa yang dilakukannya.

Bagai mencincang air

Seseorang yang melakukan sesuatu pekerjaan atau perbuatan yang sia-sia.

Menepuk air di dulang, terpercik ke muka sendiri

Seseorang yang menceritakan keburukan keluarganya kepada orang lain tetapi akhirnya dia sendiri yang mendapat malu.

Seperti anjing dengan kucing

Orang yang selalu bertengkar.

Anjing ditepuk menjungkit ekor

Seseorang yang tidak berbudi, jika dihormati akan menjadi sombong.

Anjing menyalak tiada menggigit

Seseorang yang bercakap besar tetapi penakut.

Sudah terantuk baru terngadah

Seseorang yang baru sedar akan kesalahannya setelah mendapat kesusahan.

Awak yang tidak pandai menari, dikatakan lantai yang berjongket

Seseorang yang ingin menutup kebodohan atau kesalahannya dengan mencari alasan yang lain atau meletakkan kesalahan ke atas orang lain.

Seperti musang berbulu ayam

Seseorang yang berpura-pura berbuat baik untuk menyembunyikan kesalahannya.

Hangat-hangat tahi ayam

Seseorang yang tidak kuat kemahuan atau pendiriannya.

Lempar batu sembunyi tangan

Orang yang khianat dan tidak mengakui akan kesalahannya.

Bagai Belanda meminta tanah

Seseorang yang tamak yang tidak pernah mencukupi apabila diberikan kerana ia akan meminta lagi.

Diberi betis, hendak paha

Seseorang yang tamak kerana apabila diberi sedikit, dia meminta banyak lagi.

Buaya darat

Seseorang yang jahat atau suka berfoya-foya dengan perempuan silih berganti.

Buta hati

Seseorang yang tidak mempunyai belas kasihan atau seseorang yang bengis.

Harapkan guruh di langit, air di tempayan dicurahkan

Seseorang yang mengharapkan keuntungan yang besar lalu melepaskan keuntungan kecil yang sudah berada dalam genggam.

Seperti kerbau dicucuk hidung

Seseorang yang bodoh dan selalu menurut apa yang dikatakan orang.

Kacang lupa akan kulitnya

Seseorang yang lupa akan asal usulnya setelah mendapat kekayaan atau kemuliaan.

Yang dikejar tak dapat, yang dikandung bercirikan

Seseorang yang tamak menharapkan keuntungan yang banyak sehingga keuntungan sedikit yang ada ditinggalkan.

Lembu punya susu, sapi dapat nama

Orang lain yang bersusah payah mengerjakannya tetapi orang lain pula yang mendapat nama.

Seperti ketam menyuruh anaknya berjalan betul

Seseorang yang memberi nasihat yang baik-baik kepada orang lain tetapi dia sendiri tidak dapat melaksanakannya.

Masuk telinga kanan keluar telinga kiri

Sesuatu muslihat yang tidak dihiraukan sama sekali.

ILMU DAN PENDIDIKAN

Belum bertaji hendak berkokok

Seseorang yang belum mempunyai ilmu yang cukup tetapi sudah berlagak.

Sekepal menjadi gunung, setitik menjadi laut

Sesuatu nasihat yang diberikan mungkin terlalu sedikit tetapi adalah amat berharga.

Laut ditimba tak akan kering

Kepandaian seseorang itu tidak akan habis selagi hayat dikandung badan.

Belakang parang pun kalau diasah nescaya tajam

Seseorang yang bodoh sekiranya rajin belajar, akhirnya akan pandai juga.

KERAJAAN DAN NEGARA

Kalah menjadi abu, menang menjadi arang

Walaupun kalah atau menang dalam sesuatu perselisihan, masing-masing akan mengalami kerugian.

Bahasa menunjukkan bangsa

Setiap tingkah laku atau tutur kata yang dilafazkan oleh seseorang itu dapat menunjukkan asal-usul keturunannya.

Gajah berjuang sama gajah, palanduk mati di tengah-tengah

Sekiranya orang-orang besar berselisih atau bergaduh, orang-orang di bawahnya yang akan mendapat kesusahan

NILAI-NILAI MURNI

Hidup dikandung adat, mati dikandung tanah

Kita mestilah mengikut sesuatu adat yang baik.

Buang yang keruh dan ambil yang jernih

Seseorang yang meninggalkan pekerjaan lamanya yang tidak baik dan memulakan penghidupan yang baru.

Mancabut harus dengan akar-akarnya

Sekiranya kita hendak membasmi sesuatu kejahatan, hendaklah dihapuskan puncanya.

Alah membeli, menang memakai

Sesuatu barang yang dibeli mahal sedikit pun tidak mengapa asalkan barang itu kuat dan tahan apabila dipakai.

Alah bisa kerana biasa

Walaupun sesuatu itu sukar, sekiranya sentiasa dilakukan, sudah pasti akan menjadi biasa dan senang.

Genggam bara api, biar sampai jadi arang

Seseorang itu hendaklah melakukan sesuatu pekerjaan yang sukar dengan bersungguh-sungguh agar mendapat kejayaan.

Sehari selembat benang, lama-lama menjadi kain

Sesuatu pekerjaan yang dikerjakan sedikit demi sedikit lama-kelamaan berhasil juga.

Biar lambat asalkan selamat

Dalam mengerjakan sesuatu hal, janganlah terburu-buru asalkan segalanya selamat.

Berbuat baik berpada-pada, berbuat jahat jangan sekali

Seseorang itu dinasihatkan jangan terlalu berlebih-lebihan apabila berbuat baik dan jangan sekali-kali berbuat jahat.

Yang elok itu budi, yang indah itu bahasa

Budi bahasa yang baik dapat menyelamatkan kita dan akan membuat kita dihormati orang ramai.

Tidak memandang bulu, tidak melihat rupa

Seseorang yang berlaku adil iaitu sama rata dan tidak berat sebelah

Bumi dipijak, langit dijunjung

Seseorang yang menurut nasihat dan mematuhi segala yang diarahkan.

Kecil tapak tangan nyiru ditadahkan

Seseorang yang sangat berterima kasih atas pertolongan ataupun nasihat yang diberikan oleh seseorang.

Murah hati

Seseorang yang penyayang dan mempunyai sifat yang simpati atau kasihan.

Putih tulang dikandung tanah, budi baik dikenang juga

Budi bahasa yang baik itu tidak akan dilupakan orang.

Sama ertinya: **Hancur badan dikandung tanah, budi yang baik terkenal juga**

HAKIKAT / REALITI KEHIDUPAN

Ada ubi ada batas, ada budi ada balas

Setiap kebaikan itu akan dibalas dengan kebaikan dan setiap kejahatan itu akan dibalas dengan kejahatan.

Adat juara kalah menang, adat saudara laba rugi

Dalam kehidupan, kita akan mengalami nasib yang baik dan juga nasib tidak baik.

Bagai kambing dihalau ke air

Seseorang yang tidak mahu mengerjakan atau melakukan sesuatu pekerjaan yang tidak disukainya atau digemarinya.

Berpantang mati sebelum ajal

Seseorang itu tidak semestinya akan meninggal dunia apabila telah tua kerana Tuhan yang menentukan segala-galanya.

Angin tidak dapat ditangkap, asap tak dapat digenggam

Sesuatu berita yang luar biasa atau ganjil itu sudah pasti tidak dapat diesmbunyikan kerana lama-kelamaan akan tersebar jua.

Kalau tiada angin bertiup, masakan pokok bergoyang

Apabila seseorang itu tidak melakukan kesalahan, dia tidak mungkin dituduh.

Melepaskan anjing tersepit, sesudah lepas ia menggigit

Seseorang yang tidak mengenang budi atau kebaikan yang diberi dibalas dengan keburukan.

Kalau tidak api, masakan tidak ada asap

Sekiranya seseorang itu tidak bersalah, dia tidak mungkin dituduh.

Berat hati

Seseorang yang tidak sampai hati, tidak rela, berasa segan.

Berat sebelah

Seseorang yang tidak adil dalam membuat sesuatu keputusan.

Siapa makan cili, dialah akan berasa pedas

Sesiapa yang berani berbuat sesuatu dia hendaklah berani bertanggungjawab.

Diam-diam ubi

Seseorang yang pendiam tetapi banyak mempunyai ilmu pengetahuan.

Tak ada gunung yang tak dapat didaki, tak ada lurah yang tak dapat dituruni

Setiap perkara akan dapat dilaksanakan sekiranya kita berhati-hati dan bersungguh-sungguh.

Guru kencing berdiri, murid kencing berlari

Apabila seorang guru itu mengajar sesuatu yang tidak baik, ia sangat mudah ditiru oleh muridnya.

Hutang emas dapat dibayar, hutang budi dibawa mati

Hutang wang dapat dibayar tetapi sekiranya hutang budi akan sentiasa dikenang sampai ke akhir hayat.

Ingat antara belum kena, hemat antara belum habis

Kita hendaklah beringat dahulu agar tidak terpedaya dan agar harta tidak habis dengan sewenang-wenangnya.

Lain dahulu lain sekarang

Masa telah mengubah seseorang dan langkahnya juga turut berlainan.

Nasi sudah menjadi bubur

Perbuatan yang sudah terlanjur yang tidak dapat kita sesalkan kerana tidak berguna lagi.

Sediakan payung sebelum hujan

Seseorang itu hendaklah sentiasa berhati-hati dan bersiap sedia sebelum terjadi apa-apa.

Turutkan rasa binasa, turutkan hati mati

Seseorang itu akan menghadapi kecelakaan sekiranya menurut hawa nafsu.

Biar lambat asalkan selamat

Tak perlu tergesa-gesa dalam melakukan sesuatu pekerjaan, asalkan hasilnya baik.

Sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan

Jika sudah mengetahui akan kesalahan yang telah dilakukan hendaklah kembali ke jalan yang sebenar.

Sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah juga

Manusia itu walaupun sebijak mana, tentu akan membuat kesilapan juga.

Usul menunjukkan asal

Tingkah laku seseorang itu menunjukkan tinggi atau rendahnya darjat seseorang.

DEFINISI BAGI SESEORANG / SESUATU**Di mana ada gula, di situ ada semut**

Di mana tempat yang mempunyai kesenangan atau kenikmatan, tentu ramai yang akan mengunjunginya.

Khabar angin

Sesuatu khabar atau berita yang belum pasti akan kebenarannya.

Makan angin

Menghirup udara yang baik untuk kesihatan badan atau seseorang yang berjalan-jalan menghabiskan cutinya berehat.

Jauh panggang dari api

Sesuatu jawapan yang diberikan tidak bersesuaian atau bertepatan dengan soalan atau pertanyaan yang dikemukakan.

Seperti api dalam sekam

Sesuatu kejahatan yang tidak diketahui kerana ia telah dirahsiakan.

Besar hati

Seseorang yang gembira atau bersemangat tinggi.

Besar kepala

Seseorang yang sombong dan angkuh.

Buah hati

Seseorang yang dikasihi atau kekasih.

Buah bibir

Buah mulut orang laitu yang menjadi perbincangan orang ramai dan selalu disebut atau diperkatakan orang.

Bagai bumi dengan langit

Dua hal atau perkara yang sangat jauh sekali perbezaannya.

Bumi mana yang tak kena hujan

Setiap manusia di muka bumi ini pasti tidak pernah lepas daripada melakukan kesilapan ataupun kesusahan.

Seperti cacing kepanasan

Seseorang yang selalu berada dalam keadaan gelisah.

Sudah lama makan garam

Seseorang yang mempunyai banyak pengalaman.

Hilang akal

Seseorang yang hilang fikiran atau gila.

Jatuh hati

Seseorang yang telah jatuh cinta atau kasihan.

Jauh di mata dekat di hati

Walaupun berada berjauhan tetapi sentiasa diingati dan sentiasa berasa berada berhampiran.

Kais pagi makan pagi, kais petang makan petang

Hidup yang sangat miskin dan rezeki hgnya cukup untuk dimakan pada masa itu sahaja.

Kaki tangan

Orang kepercayaan atau pembantu.

Barang yang dikata itulah kota

Setiap perkataan yang diucapkan haruslah ditunaikan.

Seperti kera kena belacan

Seseorang yang selalu gelisah atau kelihatan tidak tenteram kerana sesuatu sebab.